10

# SEJARAH PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI PADA ZAMAN PENTADBIRAN KERAJAAN KOLONIAL BRITISH, 1946-1963 DENGAN TUMPUAN KHUSUS TERHADAP PERKEMBANGAN INDUSTRI PEMBALAKAN

OLEH

AWANG DAMIT SURAN

BAHAGIAN SEJARAH
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
MINDEN, PULAU PINANG

SIDANG AKADEMIK 1985/1986

rb
fAC895
M22A964

# SEJARAH PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI DI SABAH PADA ZAMAN PENTADBIRAN KERAJAAN KOLONIAL BRITISH, 1946-1963, DENGAN TUMPUAN KHUSUS TERHADAP PERKEMBANGAN INDUSTRI PEMBALAKAN

Oleh
Awang Damit Suran

Penyelia
En. Abdul Rahman Haji Abdullah

Latihan Ilmiah ini disediakan untuk memenuhi keperluan
Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian (B.A. HONS)
dalam bidang sejarah

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

Sidang Akademik 1985/1986

Untuk Mereka Yang Tercinta

Ayah dan Ibu

Erma, Aziz, Eman, Zalie dan Ziah

Istimewa

Yang Kusayangi

Ipah Jenen

- Pengorbanan Dan Pengertian Kalian Adalah Dorongan Untukku -

" Dan ingatlah kurnia Allah kepadamu
dan perjanjianNya yang telah diikatNya
dengan kamu, ketika kamu mengatakan:
" kami dengar dan kami taati ".
Dan bertakwalah kepada Allah,
Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui isi hati (mu)

Al- Maa-Idah, 5:7

# PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang, Alhamdu Li'llah Rabbi'-L'aalamiin, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T., Tuhan Yang Maha Esa, Maha Kuasa kerana dengan limpah kurniaNya maka Latihan Ilmiah ini telah dapat saya siapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya lafazkan kepada penyelia saya, En. Abdul Rahman Haji Abdullah yang telah menyemak dan memberi tunjuk ajar serta memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud dalam Latihan Ilmiah ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga saya tujukan kepada Pengerusi Bahagian Sejarah, Prof. Madya Dr. Cheah Boon Kheng dan pensyarah sejarah, Prof. Madya Dr. R. Suntharalingam, Dr. Paul H. Kratoska, Dr. J.S. Sidhu, En. Fadhlullah Jamil, En. Leong Yee Fong dan semua kakitangan Bahagian Sejarah kerana nasihat, bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Sdr. Mohd. Safri Mokti kerana telah menolong saya menaip semula deraf Latihan Ilmiah ini.

Kepada semua kawan-kawan saya yang telah memberikan galakan, pertolongan, teguran dan sumbangan-sumbangan dalam bentuk apa sekalipun, tidak lupa saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan jasa-jasa kalian akan tetap saya kenangi sehingga akhir hayat.

Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga saya tujukan kepada semua kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Umum Negeri Sabah, Perpustakaan Tun Fuad Stephens, Jabatan Arkib Negeri Sabah, Muzium Negeri Sabah dan Jabatan Ketua Menteri Sabah, kerana bantuan sama ada dari segi moral dan material.

Akhir sekali ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada seluruh ahli keluarga saya atas segala pengorbanan yang tidak terhingga, sehingga saya dapat menikmati peluang untuk meneruskan pengajian hingga ke peringkat ini. Semoga Allah akan memberi ganjaran ke atas segala-galanya dan semoga Allah akan melindungi kalian.

Awang Damit Suran
Bahagian Sejarah
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
11800 Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

12 FEBRUARI 1986

SINOPSIS

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau dan memaparkan perkembangan sosio-ekonomi pada zaman pentadbiran Kolonial British di Sabah, 1946-1963. Tumpuan khusus dibuat ke atas perkembangan industri pembalakan kerana industri tersebut berkembang dengan pesatnya dan telah menjadi sumber ekonomi yang terpenting di Sabah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang menggalakkan perkembangan industri ini dan kesannya terhadap pembangunan sosio-ekonomi yang lain yang mempunyai hubungan rapat dengan indsutri ini.

Perkembangan industri ini dapat dilihat dengan bertambahnya nilai eksport, jumlah keluaran, jumlah syarikat-syarikat yang terlibat dan pendapatan yang diperolehi dari industri tersebut. Implikasi dari perkembangan industri ini telah membawa beberapa interpretasi dan seterusnya dapat memberi gambaran ke atas perkembangan sosio-ekonomi di Sabah pada zaman pentadbiran Kerajaan Kolonial British di Borneo Utara.

Berdasarkan kepada perkara-perkara yang tersebut menunjukkan bahawa industri ini telah dapat menyumbangkan keuntungan yang maksima kepada Kerajaan Kolonial British dan syarikat-syarikat yang terlibat. Pembangunan sosio-ekonomi di Borneo Utara berjalan dengan pesatnya dan telah menjadikan Borneo Utara negeri pengeluar balak yang utama.

Pada bab pertama, perbincangan ditumpukan kepada lokasi Negeri Sabah dari segi geografi dan faktor-faktor semulajadi yang menggalakkan perkembangan industri ini. Kedudukan Negeri Sabah yang strategik dari segi pelabuhan untuk kapal-kapal perdagangan dan sebagainya. Kedudukan Negeri Sabah yang terlindung dari tiupan angin dan keadaan pantainya yang berteluk-teluk telah menyediakan pelabuhan-pelabuhan yang baik. Sungai-sungai juga telah menjadi jalan perhubungan dan pengangkutan yang penting dan telah menjadi jalan perhubungan bagi pengeluaran kayu balak dari kawasan pedalaman ke kawasan pelabuhan. Keluasan hutan yang masih terdapat di negeri ini juga telah menyediakan sumber perhutanan yang kaya dan telah menjadi sumber

ekonomi yang terpenting.

Dalam bab kedua, perbincangan ditumpukan kepada latar belakang sejarah pentadbiran British dan peranan para pentadbir British khususnya dalam pembangunan semula sosio-ekonomi. Dalam era pentadbiran British ini, gabenor-gabenor yang dilantik oleh British untuk mentadbir Borneo Utara merupakan wakil Kerajaan British dan para gabenor ini telah mempergunakan kesempatan ini untuk mencapai matlamat kolonialisma iaitu untuk mengaut keuntungan yang maksima dari tanah jajahan. Orang-orang British telah mempergunakan kesempatan yang terdapat di negeri ini. Para gabenor yang mentadbir negeri ini lebih mengutamakan pembangunan ekonomi berbanding dengan pembangunan sosial. Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga pembangunan sosial, tetapi pembangunan tersebut hanya dibuat di bandar-bandar tertentu, yang memberi keuntungan kepada British sendiri. Manakala rakyat tempatan hanya dapat menikmati pembangunan ini secara kebetulan sahaja, iaitu bagi mereka yang tinggal di kawasan-kawasan bandar. Peranan para gabenor yang pernah mentadbir negeri ini akan disentuh secara terperinci dan perkembangan ekonomi yang telah dicapai pada masa pentadbiran mereka juga akan dibincangkan.

Dalam bab yang ketiga, perbincangan akan ditumpukan kepada peranan Jabatan Perhutanan dan polisi perhutanan yang diperkenalkan oleh British. Jabatan Perhutanan ini diwujudkan semula oleh British untuk mengawal dan mengurus hasil pengeluaran hutan dan kesannya terhadap alam sekitar. Jabatan ini bertanggungjawab dalam mengawal dan mengurus pemberian lesen-lesen, mengadakan penyelidikan, menetapkan hutan simpanan kekal dan sebagainya. Dalam bab ini juga akan disentuh peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat yang terlibat. Penglibatan oleh syarikat-syarikat dari Eropah terutamanya daripada Britain dan penglibatan syarikat-syarikat kecil khususnya orang-orang Cina atau " Towkay " merupakan fokus utama dalam perbincangan ini. Kehadiran syarikat-syarikat ini telah dapat meningkatkan pengeluaran kayu balak dan telah memperolehi pendapatan yang lumayan dari sumber ekonomi tersebut.